

**Langkah Yang Memudaratkan Kematangan Politik - Penganalisis
Bernama
5 Julai, 2013**

GEORGE TOWN, 5 Julai (Bernama) -- Keputusan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang tidak memperuntukkan sesi soal jawab pada persidangan DUN kali ini dilihat boleh memudaratkan kematangan berpolitik di kalangan wakil rakyat, demikian kata Penganalisis Politik, Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian.

Beliau berkata sesi tersebut adalah penting kerana ia merupakan medium yang membolehkan anggota dewan mendapat maklumat berhubung dasar dan program yang telah dan bakal dilakukan kerajaan negeri untuk disampaikan pula kepada rakyat di kawasan mereka.

"Sekiranya dikeluarkan sesi tersebut dari peraturan mesyuarat Dewan, ia bukan sahaja menyukarkan wakil rakyat untuk mendapatkan penerangan daripada kerajaan negeri tetapi juga secara amnya menjejaskan sistem demokrasi yang diamalkan selama ini," katanya kepada Bernama.

Speaker Law Choo Kiang yang pertama kali mempengerusikan persidangan DUN membuat pengumuman itu dengan berkata langkah tersebut diambil bagi menangani faktor kekangan masa persidangan.

Sivamurugan turut berkata tindakan itu menyukarkan wakil rakyat dari Barisan Nasional (BN) dan yang mewakili kerajaan negeri yang ditadbir pakatan pembangkang untuk mewujudkan situasi menang-menang dalam memastikan kelangsungan pentadbiran negeri demi kesejahteraan rakyat.

"Ia turut memberi kesan terhadap perhubungan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat walaupun perkara itu hanya merupakan masalah sesi soal jawab.

"Speaker perlu berperanan secara lebih signifikan dan harus ada ruang untuk lebih bersifat demokratik kerana DUN merupakan institusi bagi membuktikan kredibiliti wakil rakyat yang telah diberi mandat oleh rakyat," katanya.

Sivamurugan berkata tindakan tersebut jangan dianggap sebagai satu cara jalan selamat untuk menyembunyikan kelemahan pentadbiran kerajaan negeri daripada pengetahuan pihak lawan mereka dan rakyat.

"Ini kerana sukar untuk kerajaan negeri menyembunyikan sesuatu perkara kerana akan ada juga pihak tertentu yang akan membongkar setiap perkara yang berlaku," katanya kepada persoalan sama ada langkah itu dibuat bagi menyembunyikan kelemahan kerajaan negeri.

Bekas Pengerusi BN Negeri, Teng Chang Yeow menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak bertanggungjawab kerana sesi soal jawab merupakan mekanisme untuk wakil rakyat membuat pengawasan dan penyelidikan terhadap dasar kerajaan negeri.

Beliau berkata kerajaan negeri harus bersikap lebih terbuka dan bertanggungjawab dengan mengambil perhatian terhadap soalan yang dibangkitkan di dalam Dewan.

"Kalau tiada soalan, bagaimana wakil rakyat hendak mengawasi program dan dasar yang

dibuat kerajaan negeri. Sesi soal jawab adalah masa untuk wakil rakyat mengawasi apa yang dibuat kerajaan negeri dan kesannya terhadap rakyat," katanya.

Pada masa yang sama Teng menyifatkan langkah tersebut sebagai sengaja mahu menunjuk sifat angkuh kerajaan negeri yang sekali lagi dapat mempertahankan Pulau Pinang dari BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961199>